

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2016

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos (prinsip & faedah) untuk membina MRT 1 & 2 dan projek Lebuh raya Pan Borneo fasa 1 dan seterusnya, sumber dana (*funding*), kaedah pembiayaan (*financing*) dan dan sumber membayar balik hutang projek-projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos pembinaan Projek MRT Laluan Satu adalah sebanyak RM23 bilion dan kos pembinaan Projek MRT Laluan Dua adalah sebanyak RM28 bilion. Manakala anggaran kos pembinaan Projek Lebuh raya Pan Borneo di

Sabah adalah sebanyak RM12.86 dan anggaran kos pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak berjumlah 16.48 bilion. Amana ini merupakan anggaran awal bagi kesemua projek dan kos sebenar akan dapat diperolehi setelah Projek MRT Laluan Satu siap sepenuhnya pada Julai 2017 dan Julai 2022 bagi Projek MRT Laluan Dua.

Bagi membiaya projek MRT, Kerajaan telah menubuhkan sebuah *special purpose vehicle* atau SPV iaitu DanaInfra Nasional Bhd (DanaInfra), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. DanaInfra telah diberikan mandat untuk mendapatkan sumber pembiayaan dari pasaran modal melalui terbitan sukuk yang mempunyai tempoh matang tertentu serta disokong oleh para pelabur dan institusi kewangan dalam Negara. Manakala pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan melalui dua sumber utama seperti berikut:

- i. Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure* - DE) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe - 11) sejumlah RM10 bilion; dan
- ii. Baki kos projek dibiayai daripada terbitan bon/sukuk oleh DanaInfra Nasional Berhad.

Sehingga kini, DanaInfra telah memperoleh dana berjumlah RM25.2 bilion bagi membiaya Projek MRT Laluan Satu dan Dua. Amaun berkenaan merupakan prinsipal pinjaman manakala jumlah faedah adalah RM1.8 bilion. Manakala, pembiayaan bagi Projek Pan Borneo Sarawak (Fasa 1) pula dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2016. Mengenai sumber pembayaran balik pembiayaan, ia akan dilaksanakan melalui peruntukan kewangan daripada Kerajaan secara pembayaran bertangguh (*deferred payment*) mulai tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 [KHAMIS]

SOALAN : 20

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [PengkalanChepa] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah langkah penyelesaian Kerajaan dalam menangani masalah pertindihan bidang kuasa dan system saman yang tidak diselaraskan antara SPAD, PDRM dan JPJ.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, tiada pertindihan kuasa antara JPJ dan SPAD. Bidang kuasa JPJ adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. SPAD pula adalah tertakluk kepada Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 di mana bidang kuasanya adalah dalam mengendalikan dan menguruskan permit kenderaan perdagangan serta menguatkuasakan pematuhan permit. Manakala JPJ pula mengendalikan dan menguruskan tanggungjawabnya sebagai jabatan untuk melesenkan semua pemandu dan kenderaan serta melaksanakan penguatkuasaan sepertimana kuasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Seterusnya, antara langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan tiada pertindihan bidang kuasa dan sistem saman yang tidak diselaraskan antara SPAD, PDRM dan JPJ adalah dengan penyediaan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi tujuan menyelaraskan serta mengagihkan tugas penguatkuasaan mengikut bidang kuasa sedia ada.